

05/09/2003

Benih kerang pula jadi mangsa seludup

KISAH seludup sering menjadi topik hangat khususnya di dada akhbar. Tak kisahlah apa yang diseludup - daripada manusia hingga barangan sekecil cip mikro - yang pasti kisah seludup sering diwarwarkan di akhbar. Sama ada wartawan akhbar cetak mahupun elektronik, sering berlumba-lumba mendapatkan berita mengenai kes seludup. Kastam, imigresen, polis mahupun Jabatan Pertahanan Awam pula sentiasa bekerjasama membanteras penyeludupan.

Wak pun kadang-kadang hairan mengapa orang kita suka sangat buat kerja seludup ini? Semua barang boleh diseludup dan paling banyak pastinya rokok yang dibawa secara haram dari negara jiran. Terbaru kisah yang Wak dengar ialah seludup benih kerang ke Thailand.

Wak hairan kenapa benih kerang yang wujud secara semula jadi di sekitar Kuala Sepetang, Perak dan boleh ditenak di sekitar kawasan berkenaan boleh diseludup ke Thailand. Tak cukup ke laut di Perak tu untuk dijadikan kawasan ternak kerang sampai Thailand yang jadi pilihan?

Siapa yang buat kerja tu? Sindiket atau orang perseorangan? Berapa banyak yang sudah diseludup dan berapa banyak pula yang sangkut? Banyak lagi persoalan yang bermain di fikiran Wak tapi tak perlulah Wak luahkan semuanya.

Setahu Wak, bukan sukar untuk menternak kerang. Yang susah cuma nak dapatkan benihnya kerana ia 'lahir' secara semula jadi di kawasan tertentu, khususnya pinggir pantai berhampiran kuala sungai. Benih kerang ini biasanya 'tumbuh' sekali setahun di kawasan berkenaan. Kawasan itu akan diwartakan oleh Jabatan Perikanan sebagai kawasan larangan. Hanya mereka yang mempunyai lesen yang dikeluarkan jabatan berkenaan layak mengambil benih kerang. Sewaktu kerja mengambil benih kerang dilakukan, biasanya ada penguat kuasa Jabatan Perikanan yang ditugaskan mengawal kawasan berkenaan.

Di kebanyakan tempat, apabila musim mengambil benih kerang bermula, nelayan sanggup bergaduh sampai bakar bot dan jadi kes polis. Masing-masing bersemangat untuk mendapatkan benih kerang. Tak kurang juga yang 'pasang kaki' bagi menghalang nelayan luar masuk ke kawasan berkenaan kerana mereka dianggap 'penceroboh' dan tidak layak mengambil benih kerang di kawasan berkenaan.

Benih kerang yang sudah diambil akan dibuang di kawasan penternakan dan di situlah kerang berkenaan akan membesar sebelum boleh diambil untuk dipasarkan. Satu tin susu 825 gram benih kerang dikatakan boleh menghasilkan seguni kerang apabila ia dituai.

Kerja membela benih kerang ni pun bukannya sukar sangat. Kalau tak silap Wak, penternak kerang cuma perlu menabur 'makanan' satu atau dua kali di kawasan penternakan. Selain itu benih kerang akan mendapat makanannya sendiri daripada proses semula jadi di laut.

Wak hairan kenapa sindrom mahu cepat dapat untung, cepat dapat duit dan cepat kaya tak pernah hilang daripada minda masyarakat kita. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan sambutan kemerdekaan baru-baru ini pun ada menyentuh mengenai sindrom sama. Nampaknya, jika PM sentuh isu cepat dapat untung dengan jual saham yang biasanya dimonopoli golongan kaya dan aristokrat, sindrom sama turut membelenggu masyarakat bawahan, termasuk nelayan.

Wak tak tahu sampai bila sindrom ini akan menguasai minda masyarakat kita. Wak cuma mampu berharap supaya pihak penguat kuasa sama ada polis,

kastam, imigresen dan Jabatan Perikanan akan terus berusaha membanteras jenayah seperti ini. Ia mungkin nampak remeh tetapi impaknya besar!